On the question of language, may I remind the Government that in Belgium this problem has plagued that country for more than a century and even now threatens to bring down the Government and tear the country asunder. In 1958 in the lovely island of Ceylon the Sinhalese and the Tamils broke out into open conflict over the language issue. Looting, plundering, raping, murdering mobs took to the streets, providing one of the bloodiest episodes that that nation has ever known. The Tamil-speaking people were permanently embittered, but tension has eased a great deal since Dudley Senanayake decided to provide regulations under the Tamil Language (Special Provisions) Act, to permit the use of Tamil in the country's north and eastern provinces, traditional homeland of the Tamil-speaking people, who constitute a fifth of the population. It is only by giving recognition to the status of Tamil and its use by Government that further bloodshed has been avoided.

Then I need hardly remind this House of the language riots that occurred in Madras last year. These riots subsided only after Shastri had backed down on the use of Hindi as the sole official language and permitted the use of Tamil as well. The latest in the matter of language riots have recently occurred in the Punjab. There, many people have been roasted alive over the language issue.

In view of the foregoing, it cannot be said that the Central Government has not been forewarned of the disastrous consequences of a wrong decision on the National language issue.

Speaking at the opening of the National Language Month Conference in Kuala Lumpur on 24th February, 1966, the Minister of Education said:

"National language policy must be carried out with tact and tolerance. It cannot be implemented in the same way as we carry out our development programmes. If we frighten any individual, then he will move further from us, and if we chide him he will all the more be angered. It is quite possible to implement the language as the Official language of the country when 80 per cent or 90 per cent of the population has mastered it."

In the conduct of the implementation of the National language, I for one am glad that a responsible Minister of the Crown is aware of the practical difficulties of implementing the National language. Have 80 per cent or 90 per cent of the population mastered the National language? I can say without fear of contradiction that the answer is a categorical "No". That being so, is it wise to implement the National language as the sole Official language of the business of Government?

It is true to say that, where it takes an officer two hours to clear a tray of files written in English, it will probably take him four hours or more to clear the same tray of files, if it is written in the National language. That being so, it is obvious that the whole business of Government will be bogged down, if the National language policy is implemented next year. Is it wise to cut one's nose to spite one's face?

Despite what the Ministers sitting opposite me have stated, it is obvious that there is a lack of a correct policy and programme of implementation. The man-in-the-street, and the Government servants in particular, cannot be blamed if they are apprehensive over this lack of policy.

Mr Speaker, Sir, 1967 is just around the corner, and it is imperative that the Central Government should spell out in detail what are its intentions regarding the National Language issue. In view of the explosive nature of this problem, and I have pointed out the language riots elsewhere, and the practical difficulties involved, I wish to ask the Government to hasten slowly—*festina lente*, as the saying in Latin goes—over the implementation of the National Language policy.

Another equally complex and potentially explosive issue is that concerning education. Here, again, the Government says that there is nothing to worry about, as everything is provided for in the Constitution and in the Rahman Talib Report. Mr Speaker, Sir, the Government must be aware that what was acceptable at the time of the publication of the Rahman Talib

Report in 1960 is no longer true today. Education is a vital and live issue and must of necessity cannot remain static. The Central Government has recognised this truism by re-examining the Razak Report of 1956 a few years after its publication and bringing out the Rahman Talib Report. Since then many moons have gone by, and the time has come to re-examine the education policy of this country.

The bulk of the non-Malays too are not satisfied with the present education policy as enumerated by the Rahman Talib Report.

The two points at issue are:

1. There should be Chinese and Tamil Comprehensive Secondary Schools using Chinese and Tamil as the medium of instruction.
2. Examination in the Comprehensive Secondary School should be conducted in the medium of instruction but that the National language should be a compulsory subject.

The Government should not make the mistake of lightly dismissing these two natural aspirations of the non-Malays. The stand of the Labour Party of Malaya on language and education is simple. It is based upon two fundamental principles—the socialist principle of equality and the need to have a common language to suit national needs.

No true socialist will deny that the need for equality of peoples which must include languages, and no non-racialist can deny the need of a common national language for needs. In a multi-racial society such as Malaysia, it is even more necessary to have a common language whilst, at the same time fulfilling the demands of different races for equality.

As there has been in some quarters attempts to distort the policy of the Labour Party of Malaya on the National Language and education issues may I take this opportunity to re-state our policy on these two issues

once again. The main planks of our policy are:

- (1) Malay shall be our national and common language but it shall not be used to suppress the development of other languages.
- (2) Our National Language and Literature shall be compulsorily taught to all schools to the same common standard. It should not be used to suppress or prevent the use of other languages, such as English, Chinese and Tamil as the media of instruction in all schools.
- (3) English, Chinese and Tamil languages shall be used in all schools as the media of instruction and examination if so required. Thus, all school students shall at least know our National Language as well as a second language which is their medium of instruction.
- (4) All schools desiring to be taken into the national structure shall be taken into the national structure as they are, without change in their basic medium of instruction. Thus a national system of education would be established to fulfil both the national and the various other languages of our country.
- (5) No student shall be forced to take his examination in his "official" language but shall do so in his language of instruction.
- (6) Details of our educational programme shall be decided upon only after the fullest discussions and at a conference of our educationalists and experts.

In view of the complexities of the issues, one solution would be to form a Royal Commission to re-examine our education policy taking into consideration the natural aspirations of the non-Malays. If the Government takes up this suggestion, it will go a long way assuaging the natural fears of the non-Malays.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, let the Central Government not stumble and fumble over the twin issues of

National Language and Education. Let it not be frightened by the war chants and the war cries of the war hawks and *ultras* in their midst. Let the voice of moderation prevail, and let the Government be courageous enough to lead us away from the abyss that yawns before us.

Thank you.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

ADDRESS OF THANKS

Debate resumed.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbincangan atas usul ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong atas ucapan dan titah di-Raja yang di-lafadzkan oleh Baginda kepada Parlimen dua hari yang lepas. Saya fikir ini-lah peluang yang baik sa-kali bagi penyokong² Kerajaan dan juga puak² Pembangkang untuk memberikan pandangan dan pendapat supaya dapat Kerajaan memperoleh gambaran yang terang sa-kali daripada perasaan, chita² dan hasrat ra'ayat yang telah memilih wakil² dan menghantarkan mereka ka-dalam Dewan ini.

Tetapi, malang-nya Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah daripada ahli² Pembangkang yang sa-patut-nya memberikan pandangan², pendapat² yang membena, sa-balek-nya menaborkan fitnah dan pesona yang bukan boleh memperbaiki perjalanan Kerajaan tetapi akan mengkochar-kachirkan keadaan masharakat negeri ini. Dewan ini telah mendengar dengan teliti pada hari samalam ucapan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh yang sentiasa mengaku sa-bagai loyal Opposition atau Pembangkang yang ta'at setia tidak berbelah bahagi kepada negeri ini, tetapi daripada ucapan-nya dan pandangan yang di-taborkan-nya dalam

Dewan ini pada hari sa-malam, dia lebih berusaha hendak merachun dan menghanchorkan hidup aman-damai, hidup harmoni, hidup bekerjasama di antara kaum dalam negeri ini. Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh telah berper² mengatakan bahawa demokerasi dalam negeri ini, dalam Dewan ini, sudah luput dan luchut dan mengemukakan satu dua perkara untuk menguatkan tuduhan-nya itu. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sa-orang yang siuman dalam negeri ini yang akan bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh dalam tuduhan-nya menidakkan wujud-nya demokerasi dalam Dewan dan dalam negara ini. Dengan hanya Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri memberikan kenyataan bahawa ada pembochoran dalam Pejabat Lord President maka ini kata-nya demokerasi telah habis dalam negeri ini. Saya tidak mengerti chara Ahli Yang Berhormat ini berfikir. Ta'kan-lah dengan hanya Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri mengeluarkan tuduhan ini maka demokerasi telah hapus. Ta' boleh-kah sa-orang Perdana Menteri yang bertanggung-jawab mengeluarkan pendapat-nya dan pandangan-nya atas sa-suatu keadaan yang berlaku dalam sa-buah pejabat Kerajaan negeri ini. Ini satu perkara biasa sahaja, dan tidak ada sadikit pun menyentoh demokerasi. Dewan ini menjadi satu dalil dan tanda yang besar sa-kali bahawa demokerasi dalam negeri ini memang berkembang dan bersemarak. Ahli Yang Berhormat itu dengan bebas menegor dengan begitu pedas ka-atas Kerajaan dengan tidak menaroh sadikit pun kebimbangan atas apa pandangan dan fikiran yang di-keluarkan-nya di-dalam Dewan ini. Kira-nya demokerasi tidak ada dalam negeri ini tentu tidak ada sa-orang daripada puak Pembangkang berdepan dengan kita di-sini. Orang² ini kalau benar tidak ada demokerasi dalam negeri ini sudah tentu tempat mereka bukan dalam Dewan ini, tetapi nun dalam penjara yang gelap!

Tuan Yang di-Pertua, orang yang menudoh tidak ada demokerasi dalam negeri ini, seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu, saya fikir manusia ini memang manusia yang tidak kenalkan

budi. Dengan hanya Yang Teramat Mulia mengatakan dalam sa-buah pejabat telah berlaku pembochoran, maka demokerasi telah terkubor. Siapa-kah manusia yang dapat mengikuti chara pemikiran yang sa-umpama itu. Kalau sa-orang Menteri yang bertanggung-jawab tidak dapat menyatakan kepada ra'ayat negeri ini dan kepada Dewan ini pembochoran telah berlaku dalam sa-buah pejabat, maka saya fikir ini sa-mata² satu chara kuku besi yang hendak di-pakai oleh puak Pembangkang untuk menguasai Menteri² supaya tidak berchakap sa-patah pun berkenaan dengan pejabat yang di-bawah tanggong-nya.

Sa-perkara lagi yang saya ingin sebutkan daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh kelmarin berkenaan dengan perhubungan yang mula hendak di-sambong atau hendak di-pulehkan di-antara Malaysia dengan Indonesia. Beliau telah chuba hendak menakut²kan orang² yang bukan Melayu di-dalam negeri ini dengan mengatakan bahawa perhubungan ini perhubungan sa-darah sa-daging yang kita tidak tahu apa-kah akibat-nya atas orang yang bukan Melayu dalam negeri ini. Tentang orang² Melayu sa-darah sa-daging dengan orang Indonesia, ini bukan perkara baharu, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh di-gunakan oleh sa-siapa untuk menakutkan sa-siapa dalam negeri ini. Ini perkara telah ada beratus² tahun lama-nya. Dan sunggoh pun persahabatan atau hubungan darah dan daging itu ada wujud di-antara kita orang² Melayu dalam negeri ini dengan saudara kita yang ada di-Indonesia itu, tetapi tidak ada satu penganiayaan terbit daripada perhubungan itu yang di-lakukan ka-atas orang² yang bukan Melayu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sunggoh hairan sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menguchapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana dengan usaha dan ikhtiar-nya dan ikhtiar Kerajaan yang di-pimpin oleh Perikatan, hubungan baik telah mula menampakkan rupanya di-dunia sa-belah sini di-antara kita dengan Indonesia. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Ipoh

dan boleh jadi juga akan di-sokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, tidak senang melihat puleh-nya hubungan damai ini, wujud-nya dan timbul-nya angan² dan chita² damai di-dunia sa-belah sini. Biar-lah orang ketahu² barangkali orang² ini orang² yang lapar dan kebuloran hendakkan peperangan, tetapi saya tahu wakil dari Ipoh sendiri dan juga wakil dari Bungsar kalau ada berlaku peperangan, kapal yang pertama-lah dia orang akan naik balek ka-negeri masing² (AN HONOURABLE MEMBER: Hear) (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah menyebut perpisahan dan sebab² yang menyebabkan perpisahan itu. Beliau telah mengatakan bahawa bahaya yang di-bimbangkan yang kerana-nya Kerajaan memisahkan Singapura daripada Malaysia tidak hilang dengan pemisahan itu. Itu pendapat Ahli Yang Berhormat itu. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana orang² yang suka membangkitkan fitnah seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga dari Bungsar ada dalam negeri ini untuk menimbulkan fitnah yang serupa itu. Saya fikir Kerajaan patut buka mata, buka telinga dan sedia bertindak terhadap sa-barang anasir, kapada sa-barang manusia yang chuba hendak membangkit²kan fitnah dan chuba hendak melaga²kan kaum dalam negeri ini. Kita telah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sa-malam bagaimana Ahli Yang Berhormat itu chuba menggambarkan kapada Dewan ini betapa tidak 'adil-nya keadaan dan kedudukan orang² yang bukan Melayu yang ada dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya keadaan yang ada dalam negeri ini bukan Perikatan yang menyebabkannya, bukan Perikatan yang menimbulkan-nya, bukan Perikatan yang menchipta dan mewujudkan-nya. Keadaan tidak sa-imbang dalam masyarakat negeri ini, bukan sahaja dalam lapangan jawatan Kerajaan dan peluang² di-dalam Kerajaan, tetapi keadaan tidak sa-imbang itu meliputi lapangan ekohomi negeri ini, dan

kehidupan ra'ayat negeri ini. Bukan Perikatan yang menchiptakan-nya. Itu ada-lah sisa² daripada penjajah negeri ini dan patut kalau Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh dan orang² yang sa-umpama-nya saperti wakil daripada Bungsar jujur dan ikhlas kapada negeri ini dan kapada ra'ayat negeri ini mereka mesti mengutok penjajahan yang telah mewujudkan satu masharakat yang tidak sa-imbang di-dalam negeri ini. Tetapi bukan penjajah yang di-hentam-nya, bukan penjajah yang di-salahkan-nya, bukan penjajah yang di-kutok dan di-hentam-nya tetapi Perikatan yang chuba hendak mengadakan satu chara approach kapada problem yang di-tinggalkan oleh penjajah dalam negeri ini untuk hendak menyelesaikan-nya bagi kepuasan hati semua ra'ayat negeri ini daripada semua gulungan, daripada semua keturunan dan daripada semua bangsa. Patut bukan Kerajaan Perikatan yang mesti di-chachi, yang mesti di-kecham kerana keadaan yang tidak sa-imbang dalam negeri ini, tetapi yang mesti di-chachi yang mesti di-hentam, yang mesti di-kutok ia-lah penjajahan yang telah meninggalkan sisa²-nya yang begitu bahaya atas masharakat negeri ini. Dan kita Perikatan patut di-puji kerana usaha dan ikhtiar kita chuba hendak mengsaibangkan kedudukan dalam negeri ini. Tetapi malang-nya tuan² kita mempunyai orang² di-dalam negeri ini dan wakil² ra'ayat yang dudok dalam Dewan ini yang tidak mempunyai kepentingan sa-lain daripada kepentingan hendak menchari undi dan pengaruh, bukan untuk menchari kebaikan dan perdamaian hidup rukun damai di-antara kaum yang ada dalam negeri ini.

Salah satu daripada chara Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh yang menun-jukkan bahawa beliau sa-orang yang sentiasa memainkan sentimen perkauman ia-lah bila dalam ucapan-nya sa-malam lepas beliau balek daripada Taiwan telah meminta dan mendesak supaya shahadah atau kelulusan daripada University Taiwan di-aku² dalam negeri ini. Tentang Ahli Yang Berhormat itu menuntut supaya mengaku² kelulusan daripada Taiwan, saya ingin bertanya kapada Ahli Yang

Berhormat itu mengapa hanya Taiwan di-sebut, pada hal kita tahu banyak penuntut² kita yang ada di-India yang ada di-Pakistan yang ada di-Timor Tengah, yang kelulusan mereka tidak di-akuī dalam negeri ini. Kenapa hanya bertumpu ka-Taiwan lepas lawatan-nya ka-sana. Itu yang saya tidak dapat hendak mengertikan dan barangkali Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini dapat melihat satu motive di-belakang chadangan-nya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyebutkan di-sini apa-kala sa-orang seperti Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh berchakap berkenaan dengan orang² yang bukan Melayu dalam negeri ini, tidak ada sa-orang hendak menegor dan membetulkan dan menarek-nya kepada jalan yang benar dan lurus, tetapi kita di-sini bila kita sebut berkenaan dengan orang² Melayu dan menaikkan taraf orang Melayu, kehidupan orang Melayu, dan chuba hendak memperbaiki keadaan orang² kita Melayu dan bila kita mengajak orang bersatu untuk bekerjasama dengan semua kaum kita terus di-tudoh yang kita ini orang perkauman, kita ultra, kita extremist. Tuan Yang di-Pertua, tuduhan sa-umpama ini adalah satu tuduhan yang amat melampau. Apa salah-nya kalau salah sa-orang daripada kita orang Melayu atau Ahli UMNO menuntut daripada Kerajaan supaya memperbaiki keadaan hidup anak negeri ini yang telah begitu tertindas dalam semua lapangan hidup dalam negeri ini, meminta hendak di-naikkan taraf orang ini kita di-kata ultra, kita di-kata extremist. Dalam ucapan² kita baik ucapan kepada public, kepada orang ramai, atau ucapan sa-sama sendiri kita tidak pernah menuntut, kita tidak pernah mendesak Kerajaan supaya segala apa yang ada di-tangan orang bukan Melayu itu mesti di-rampas, mesti di-samun, mesti di-ambil dan di-berikan kepada orang Melayu. Apa yang kita tuntut biar-lah orang itu bersenang lenang menikmati kekayaan negeri ini dan beri-lah peluang kepada orang Melayu yang telah tertindas oleh polisi penjajahan dalam negeri ini dapat di-naikkan taraf hidup mereka. Ada-kah ini extremist, ada-kah ini ultra. Ini-lah

chara-nya manusia yang chuba hendak memburokkan perhubungan di-antara kaum dalam negeri ini. Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua terok benar kena tuduhan ultra dan extremist pada hal saya-lah manusia-nya lebeh daripada sa-barang orang dalam Dewan ini dan dalam negeri ini yang telah menjelajah di-merata cherok kampong dalam negeri ini menjual konsep Perikatan, menjual konsep bekerjasama, menjual konsep tolong menolong, konsep ber-baik² antara semua kaum dalam negeri ini. Barangkali tidak ada satu kawasan pilehan raya yang di-tandingi oleh chalun yang bukan Melayu dalam negeri ini daripada semenjak tahun 1955 yang saya tidak pergi berkempen ka-sana untuk meminta orang² kampong Melayu menyokong chalun yang bukan daripada orang Melayu. Ini-lah orang yang di-katakan extremist, ultra, oleh manusia² yang tidak mengang budi (AN HONOURABLE MEMBER: Hear! Hear). Saya mempunyai kebolehan untuk membangkitkan semangat orang Melayu menentang orang yang bukan Melayu dan kalau saya lakukan itu, ini akan menimbulkan huru-hara yang amat hebat di-dalam negeri ini, tetapi saya bukan membawa fitnah untuk melaga²kan kaum dalam negeri ini, apa yang saya bawa ka-kampong² ia-lah dasar Perikatan, concept Perikatan ia-itu mahukan hidup rukun damai di-antara semua kaum dalam negeri ini.

Jadi orang² ini yang menudoh orang² daripada UMNO, daripada orang Melayu yang hendak melihat, yang hendak menengok orang² kita Melayu dapat berdiri sama tinggi, dudok sama rendah, dalam lapangan hidup dan ekonomi negeri ini dengan orang² yang bukan Melayu, orang² ini-lah yang di-burok²-kan oleh manusia² yang konon-nya mempunyai dasar Malaysian Malaysia. Sa-olah² orang ini suka hendak menengok satu kaum, satu kumpulan manusia dalam negeri ini tertindas salama²-nya di-dalam pergolakan masa dalam negeri kita ini, tetapi saya berharap orang² ini tidak akan di-biarkan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Bungsar dalam ucapan-nya yang di-reportkan oleh *Utusan Melayu* telah

berchakap di-Seremban mengulas berkenaan dengan tanda² perdamaian yang sedang berkembang, bersemarak, di-antara Malaysia dengan Indonesia telah membuat ulasan yang paling burok, yang boleh di-buat oleh sa-orang manusia di-atas muka bumi Allah ini. Sa-olah² dia bukan ra'ayat Malaysia, dia sa-olah² wakil penjajah duduk dalam negeri ini untuk melaga²-kan kaum yang ada dalam negeri ini. Tidak hairan kita menengok wakil daripada Bungsar mengambil sikap yang sa-umpama itu, dia biasa membela Kerajaan Singapura—sa-buah Kerajaan asing—tentang dasar-nya menagadakan Work Permit dan menaikkan bayaran sekolah bagi anak² kita di-sana, dia tukang bela. Ini-kah orang yang ta'at setia kapada negeri ini. Saya harap Kerajaan akan menyiasat balek surat beranak dan tengok manusia ini dari mana datang-nya dan kalau di-dapati orang ini tidak ada tempat di-dalam negeri ini, lebeh baik dia lekas di-hantarkan keluar—dari mana dia datang. Kalau tidak orang² ini-lah yang akan menjadi beneh perpechahan di-dalam negeri ini. Saya yakin orang² ini-lah yang akan menyemai-kan beneh perpechahan dalam negeri ini. Dengan mengungkit² kan di-dalam ucapan-nya soal persaudaraan sa-darah sa-daging antara orang Melayu dan Indonesia dan chuba menakut²kan orang yang bukan Melayu dalam negeri ini. Ini apa tujuan-nya, apa maksud-nya? Mahu-kah kita berperang dengan Indonesia? Mahu-kah dia akan berdiri di-saf depan? Saya tidak fikir, sa-kurang²-nya kalau dia tidak lari jauh, dia akan menyeberang ka-Singapura (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan sentiment perkauman yang di-buat oleh orang² di-sabelah sana daripada PPP, DAP atau PAP berupa DAP—make no different—tidak ada perbezaan tentang nama. Hanya sedikit perubahan daripada P pergi D, dekat sangat. Chara pemikiran, hasrat dan chita² hendak menchari kemenangan, saya nampak. Tuan Yang di-Pertua, DAP hendak menchari kemenangan, hendak men-

chari kekuasaan, walau di-atas bangkai dan tulang belulang manusia yang tidak berdosa, dia orang tidak peduli walau berapa jiwa akan terkurban, walau berapa banyak darah akan mengalir membasahi bumi Malaysia ini, mereka tidak menghiraukan itu semua asalkan dapat kuasa dan kita telah melihat chara² yang telah di-buat di-Singapura waktu PAP hendak datang memegang kuasa di-sana, berapa banyak kekachauan, berapa banyak huru-hara yang berbangkit dalam negeri itu sa-hingga-lah mereka dapat naik ka-atas. Tetapi di-sini saya memberi amaran kepada wakil tunggal DAP dalam Dewan ini, saya memberi amaran bahawa chara² yang sa-umpama itu dalam negeri ini tidak akan berjaya kerana kami di-sini, Ahli² Perikatan, akan berdaya upaya dan berikhtiar supaya chara² burok dan kotor yang sa-umpama itu tidak akan di-lakukan di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya tinggalkan orang² ini untuk sementara waktu dan saya ingin berbalek berkaitan dengan soal yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan ia-itu berkenaan dengan surat khabar yang boleh menguasai fikiran, perasaan, chita² orang ramai dalam negeri ini. Saya fikir Kerajaan patut benar mengambil perhatian atas perkara ini bukan sahaja modal dan capital surat khabar itu mesti di-jadikan dan di-mileki oleh warga negara Malaysia, tetapi pekerja² yang bekerja di-dalam surat khabar itu mesti-lah daripada warga negara dan ra'ayat Malaysia. Kita dalam negeri ini mempunyai undang² yang tidak membenarkan orang² yang bukan warga negara menchampion politik negeri ini. Kalau Kerajaan tidak menegah dan melarang orang² yang bukan ra'ayat menchampion politik dalam negeri ini, maka larangan dan tegahan ini, undang² ini akan menjadi tertawaan dunia dan tertawaan orang ramai (*Tepok*). Dalam perkara ini saya bersunggo²h meminta Kerajaan supaya mengambil langkah yang segera. Barang siapa yang bukan ra'ayat negeri ini, bukan ra'ayat Malaysia, dia tidak boleh memileki walau satu sen saham pun dalam sa-buah perusahaan akhbar dalam negeri ini atau pun bekerja dalam

akhbar itu untuk mempengaruhi ra'ayat negeri ini, menguasai perasaan dan chita² ra'ayat negeri ini melalui surat khabar (*Tepok*). Saya tidak mahu sa-barang surat khabar, saya tidak peduli apa surat khabar itu, apa rupa-nya, apa jenis-nya, apa bahasa-nya, tetapi asal sahaja surat khabar itu konon-nya mengaku surat khabar kebangsaan yang di-kelilingkan untuk bacaan ra'ayat negeri ini, jangan di-benarkan di-miliki oleh orang² yang bukan ra'ayat negeri ini, dan tidak boleh di-beri atau di-benarkan pekerja² di-dalam surat² khabar itu di-pegang dan di-kuasai oleh orang² yang bukan warga negara negeri ini.

Saya fikir Kerajaan akan membuat satu kebijakan yang besar kira-nya segera menjalankan perkara ini dengan tidak bimbang dan khuatir sa-suatu apa pun. Apa yang di-bimbangkan oleh Kerajaan, apa yang di-takutkan oleh Kerajaan, pengundi² kita bukan-nya di-London, pengundi² kita di-Kampong, ini yang kita mahu beratkan, bukan orang² yang ada di-London yang kita mesti beratkan atau di-mana² di-dalam dunia ini. Jadi untuk terlampau sangat hendak membuat perhitongan membuat undang² ini, saya fikir akan merugikan kita, akan merugikan negara, akan merugikan national interest dalam negeri ini. Jadi saya mendesak Kerajaan supaya menjalankan atau mengadakan undang² ini dengan lebih segera—the sooner the better.

Satu perkara yang saya ingin hendak sebutkan di-sini ia-lah dasar luar Kerajaan kita. Memandangkan perubahan² yang sedang berlaku dengan begitu deras, dengan begitu chepat dalam negeri dan dalam negara² tetangga dan dalam dunia seluroh-nya, maka saya fikir satu pemikiran yang mendalam yang lebih teliti mesti-lah di-buat oleh Kerajaan bagi membentok dasar luar yang lebih² rapat lagi kepada Afro-Asia daripada dasar yang ada pada hari ini.

Sebab, saya tengok pada pandangan saya, pada perhitongan dan penelitian saya, masa depan dunia ini bukan-nya di-Eropah, bukan-nya di-Amerika tetapi akan beraleh ka-Afro-Asia. Jadi,

sa-belum terlambat baik-lah kita mengambil jalan pulang lebih lekas lagi.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan sa-tinggi² pujian atas usaha² yang telah di-jalankan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, yang telah mendekatkan kita kepada Indonesia. Negara saperti Malaysia yang mempunyai penduduk—population—hanya kurang lebih sapuluh juta manusia, tidak terdaya mempunyai jiran yang hostile dengan kita sa-besar Indonesia. Kita bukan hendak perdamaian dengan Indonesia atas alasan kerana sa-daging sa-darah. Waktu kita memusohi Indonesia tempoh hari, dan jawatan-kuasa bertindak yang berkempen mengkebor semangat ra'ayat supaya mengambil sikap yang tegas terhadap konfrantasi, bukan wakil Bungsar!—Tidak! (*Tepok*). Penentangan kita terhadap Indonesia, penentangan yang di-dasarkan atas ideology, bukan atas darah dan keturunan. Kalau kita hendak mendasarkan segala tindak-tandok kita atas darah dan keturunan, kita patut tidak mengambil sikap sa-bagaimana yang kita telah ambil dalam masa yang telah di-paksakan oleh keadaan pada masa itu, oleh kerana regime yang menguasai Jakarta pada masa itu di-kuasai oleh Aidit—barangkali siapa tahu sahabat baik wakil Bungsar! (*Ketawa*). Jadi, jangan ada orang yang salah tafsir, yang salah ma'anakan kesukaan kita, kerianan kita, kegembiraan kita hendak berdamai dengan Indonesia. Semua-nya itu bukan kerana kita sa-darah sa-daging dengan mereka, tetapi kita gembira kerana Indonesia pada hari ini telah dapat berjaya, pada hari ini mengembeleng segala tenaga yang baik dalam negeri itu untuk memusnahkan, dan menghancurkan, dan menghenyakkan, dan mengganyang kominis yang ada dalam negeri itu. Itu-lah, kita sambut kejayaan yang ada dalam Indonesia atas dasar ini, bukan atas dasar yang lain. Berkenaan soal darah dan daging, itu kebetulan sahaja Wakil Bungsar ta' boleh na' tukar darah orang lain jadi darah dia (*Ketawa*). Kalau boleh, dia boleh buat—barangkali dia ada doktor² yang boleh membuat-nya.

Jadi, di-sini, soal perhubungan antara Indonesia dengan Malaysia yang tidak memakai orang perantara—direct contact—perhubungan sa-chara langsung, mencari penyelesaian sa-chara Asia, telah di-smear, di-sindir² dalam satu Press Conference yang di-adakan oleh Premier Singapura. Di-sindir², konon-nya usaha perdamaian ini, usaha na' mencari balek keamanan di-dunia sa-belah sini, sa-bagai satu ikhtiar hendak memencilkan Pulau Singapura dan hendak mengapit Pulau Singapura, dan menghempet Pulau Singapura. Tuan Yang di-Pertua, soal menghempet, mengepit, soal memencilkan Singapura, itu bukan soal kami, itu bukan soal kami. Ada-kah Singapura akan terpenchil daripada negara² tetangganya ada-lah bergantung kepada sikap yang akan di-'amalkan-nya pada masa depan. Kalau dia lebeh ka-Peking, barangkali di-situ-lah perpisahan yang akhir antara kita dengan Singapura, bagaimana yang telah di-bayangkan oleh Premier Singapura sendiri akan mengadakan hubungan yang rapat dengan Peking. Jadi, ini bukan soal kita, ini soal Singapura sendiri. Tetapi, malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, ini sindiran² dan smear ini telah di-bangkitkan oleh wartawan² British yang ada dalam interview itu. Ta' tahu apa maksud wartawan² British ini—tidak shak lagi ia-lah bagaimana yang di-tempekan—*divide and rule*. Sa-bagai penjajah dia tahu kerja-nya. Dia berhak buat apa yang dia mahu—*divide and rule* atau apa². Tetapi kita, kita, kita tuan punya negeri ini yang chuba hendak di-smear, dan hendak di-burok²kan image kita, hendak di-burok²kan gambaran kita, di-sindir² dengan kata² yang burok sa-umpama ini—apa sikap kita? Jangan tanya apa sikap wartawan British yang barangkali di-upah oleh satu² puak atau satu² kuasa. Tetapi, apa sikap kita memandang orang² yang chuba hendak memburokkan kita di-luar negeri. Kita tidak mahu lagi—pada saya sendiri, saya tidak senang memandang sikap yang terlampau moderate daripada Kerajaan terhadap orang² yang menchemarkan nama baik kita dalam dunia ini. Kita telah pernah di-chemarkan oleh sa-orang

wartawan janggut menulis dalam sa-buah akhbar Australia, dan kita mengambil tulisan-nya itu sa-chara ringan—sa-chara sambil lewa sahaja.

Jadi, saya harap Kerajaan pada kali ini, dan pada masa ini tidak akan mengambil attitude—sikap dan pendirian siapa tampar muka kanan suakan pipi kiri. Kita mahu Kerajaan mengambil sikap, siapa tampar pipi kanan, kita bagi penumbok biar gigi-nya semua runtoh. Dalam dunia international yang penoh dengan putar belit, dan penoh dengan tipu-daya yang kotor, kita tidak boleh mengambil sikap yang sa-umpama ini. Akhirnya kekotoran itu akan di-timpakan ka-atas kita.

Jadi ini-lah dia, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hal kedudukan Singapura di-dalam lengkungan negara² ini. Jadi kalau Singapura hendak memencilkan diri-nya itu terpulang kepada dia, bukan terpulang kepada kita. Dan satu perkara yang suka saya hendak sebut berkenaan dengan Singapura ini saya sa-benarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat hendak memahami, tidak dapat hendak membacha, apa-kah yang ada di-sabalek tujuan Kerajaan menerima Premier Singapura datang ka-Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Tengku dan lain² Kabinet Minister. Kenapa kita terima dia dalam masa keadaan yang sa-umpama ini. Pada pandangan saya dia ta' patut di-terima datang ka-mari pada masa dan keadaan yang sa-umpama ini. Saya kuatkan lagi pada masa dan keadaan yang sa-umpama ini, kerana, Tuan Yang di-Pertua, semenjak Singapura di-pisahkan kita tidak pernah mendengar beliau membuat perhubungan dengan Yang Teramat Mulia Tengku waktu Singapura sedang mengadakan rundingan² sulit untuk mendapatkan pengi'tirafan daripada Indonesia tidak sa-patah pun di-beritahu kepada Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri. Dia tahu kita sedang berkonfrantasi dengan Indonesia apakala Indonesia mengishtiarkan hendak mengakui Singapura mengalu²kan pengi'tirafan itu dengan tidak rojok ka-Kuala Lumpur

lagi. Tetapi tiba² apakala Jakarta dan Kuala Lumpur dapat direct contact dan dapat memulehkan perhubungan yang damai dan aman tiba² dia bertalipon—saya na' jumpa—na' jumpa itu sa-telah dia menchela nama baik Kerajaan Perikatan di-persidangan Stockholm atau di-mana di-dalam lawatan-nya mengatakan konon-nya orang² China yang ada dalam Malaysia ini tertindas dan teraniaya dan di-dalam "press conference-nya" melalui pertanya² yang telah di-suapkan kepada mulut wartawan² yang hadir dalam persidangan akhbar itu telah mengatakan ia-itu perhubungan antara Jakarta dengan Kuala Lumpur ini hendak menindas satu² puak yang tertentu. Dalam keadaan yang sa-umpama ini, dalam sa'at yang sa-umpama ini, kempen yang mengatakan kita hendak menindas orang yang bukan Melayu, sebab itu-lah kita terbaik² dengan Indonesia. Dalam sa'at sa-rupa itu-lah Premier Singapura datang berjumpa kita di-sini dan kita terima dia. Saya bimbang beliau akan membuat kempen bahawa kedatangan-nya menemui Yang Teramat Mulia Tunku ia-lah untuk mendapat jaminan supaya orang² China dan orang² yang bukan Melayu tidak akan di-tindas sa-telah perhubungan dengan Indonesia di-pulehkan. Dengan chara-nya ini dia juga yang akan untong.

Saya meminta daripada Kerajaan untuk pengetahuan seluruh dunia supaya memberi tahu Dewan ini apa dia perundingan antara Premier Singapura dengan Yang Teramat Mulia Tengku. Biar orang saya tahu kerana apa dia datang kerana saya tahu dia akan membuat kempen kechil² mengatakan saya telah pergi berjumpa Tengku untuk meminta jaminan supaya orang China jangan di-ganggu, ini manusia layak membuat kerja ini. Jadi saya berkehendak daripada Kerajaan supaya membuat kenyataan kerana apa-kah perundingan itu dan kerana apa dia datang berjumpa. Sa-lama ini dia ta' pedulikan kita dan kita ta' marah sebab dia negeri asing dan merdeka tetapi bila datang soal² yang sa-umpama ini dia datang hendak berjumpa untuk membuat satu smear lagi untuk memburokkan kita di-luar

negeri, dan untok hendak menchari muka kepada orang² yang bukan Melayu dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua di-dalam bidang soal luar negeri ini saya suka hendak menyebut perkara hubungan kita dengan Pakistan. Nampak-nya Tuan Yang di-Pertua dalam sa-hari dua ini kenyataan² yang melegakan hati, yang melapangkan perasaan telah berkumandang di-udara. Menteri Luar Pakistan telah menyatakan kesanggupan pehak-nya hendak berkira bichara dan hendak berdamai dengan Malaysia. Kita menguchap sa-ribu shukor kerana tanda hendak terbaik² telah datang daripada Pakistan yang pehak kita pulak daripada sini telah mengalu²kan-nya dan telah menyambut-nya dengan baik. Ini satu tanda yang sangat menyenangkan hati. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak berbalek sedikit jauh ka-belakang kepada kejadian² yang telah membawa putus-nya hubungan Pakistan dengan kita, hubungan diplomatik, hubungan kaseh sayang maseh ada lagi, tetapi hubungan diplomatik putus. Barangkali tidak ada sa-orang yang siuman dalam dunia ini yang akan membenarkan, yang akan mengiakan, yang akan menyokong Pakistan, memutuskan hubungan-nya dengan kita, kerana Pakistan tidak putus hubungan-nya dengan negara yang di-perangi-nya pada masa itu, ia-itu India. Tetapi tiba² dengan kita di-putuskan hubungan-nya. Satu soal yang saya ingin meminta daripada Kerajaan bahawa kejadian ini harus tidak berlaku sa-kira-nya kita di-sini dapat mengambil tindakan pada ketika itu kepada wakil kita yang ada di-U.N.—Wakil Tetap Malaysia yang ada di-U.N. Saya sendiri "confuse" berke-naan dengan kenyataan wakil kita yang ada di-U.N. yang telah membawa putus-nya hubungan kita dengan Pakistan, dan saya sendiri berasa shak, ragu² barangkali oleh kerana pengetahuan saya dalam bahasa Inggeris tidak begitu mendalam barangkali saya tidak dapat hendak memahami apa maksud dan tujuan ucapan wakil kita dalam U.N., dalam Security Council pada ketika itu. Tetapi saya mengambil satu sahaja, ucapan

wakil kita telah menyakitkan Pakistan dan menyeronokkan India, sikap Kerajaan kita dalam soal pertelingkahan Kashmir ini memang satu pendirian yang terpuji tetapi yang menjadi kudiis dalam perkara ini ia-lah ucapan wakil kita *di-Security Council* berkenaan dengan pertikaian ini. Walau apa juga Kerajaan chuba hendak berdaleh, hendak mengalehkan bahawa ucapan wakil kita itu tidak bagaimana yang di-tafsirkan oleh Pakistan tetapi satu perkara yang kita tidak dapat hendak berdaleh ia-itu India sangat² seronok dengan ucapan wakil kita, dia sangat² seronok. Sa-tengah² pemimpin India menyatakan bagaimana yang saya baca dalam surat khabar, katanya kenyataan wakil Malaysia itu patut datang-nya daripada wakil India bukan daripada wakil Malaysia.

Jadi, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, Wakil Tetap kita waktu dia beruchap dalam *Security Council* pada masa itu dia terlupa, barangkali dia terlupa, yang dia ra'ayat Malaysia kerana dia pun baru sangat menjadi ra'ayat negeri kita. Patut pada masa itu lekas² kita mengambil langkah dan memanggil balek wakil kita itu dan langkah yang sa-umpama ini akan menyejokkan hati Pakistan. Tetapi benda sudah jadi, kita shukor yang tanda² hendak berdamai telah lahir semula dan saya berdo'a dan Dewan ini akan bersama dengan saya berharap ia-itu hubungan baik di-antara Malaysia dengan Pakistan akan puleh saperti sediakala. Daripada keadaan yang sedang berlaku dalam dunia sa-belah sini dan perkembangan yang akhir di-antara kita dengan Indonesia, saya fikir satu perkara yang amat baik kalau ASA ini sa-bagaimana yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-luaskan dan di-lebarkan supaya meliputi beberapa buah negeri lagi yang ada di-dunia di-sabelah sini. Ini saya fikir, Kerajaan kita patut mengambil tindakan yang segera dan deras supaya perkara ini dapat di-usahakan dan dapat di-jayakan.

Dalam keadaan kita bagini rupa dan dalam keadaan konfrantasi belum habis lagi, Yang Berhormat Menteri

Kewangan kita pergi ka-England untuk berjumpa dan bermeshuarat dengan beberapa buah negeri dalam satu perjumpaan yang di-namakan Club Aid Malaysia. Betul? Aid Malaysia Club. Jadi, sambutan yang telah di-beri oleh sa-tengah negara kepada usaha Yang Berhormat Menteri Kewangan sangat menyenangkan hati kita, tetapi satu sikap yang paling mengejutkan, yang paling memeranjatkan dan menyebabkan kita mengenal lebeh dalam lagi ia-lah sikap British sendiri yang konon-nya kawan kita, sahabat kita yang kita berikan segala kemudahan dalam negeri ini, dan kita berikan support kepada dia, yang kita berikan ini, berikan itu, kalau saya hendak sebut barangkali satu minggu tidak habis saya bersharah di-sini, atas apa budi, sikap hendak berbaik, sikap peri kemanusiaan yang telah diberikan kepada British tetapi apakala datang Aid Malaysia Club ini British telah buka tangan, kami ta' berdaya, kami banyak commitment, ekonomi kami tidak mengizinkan, kalau Malaysia hendak bantuan lagi memada'i-lah askar² kami yang mempertahankan Malaysia yang ada di-sini yang kami berbelanja bermillion² pound untuk menjaga askar² di-sana dan, dan . . .

Jadi, di-sini saya suka hendak berkata kepada British baik-lah semua persediaan dan kelengkapan perang-nya di-hantar balek ka-sana, jadi belanja dia ringan, bila belanja sudah ringan masok-lah Aid Malaysia Club, tetapi saya fikir ini tidak akan menyelesaikan soal ini kerana askar British yang ada di-sini hanya kebetulan sahaja, walau di-mana juga askar ini berada belanja itu mesti keluar, bukan belanja berpuluh million yang dikeluarkan oleh British di-dunia di-sabelah sini bukan untuk kepentingan ekonomi-nya yang ada di-Malaya sahaja tetapi kepentingan-nya yang ada di-Tenggara Asia, di-Timor Jauh seluroh-nya. Di-sini hanya di-jadikan-nya puncha dan pengkalan tempat dia bertapak. Jadi, saya hairan benar melihat sikap dan kejujoran British terhadap kepada kita. British pada hari ini di-perintah oleh Labour Party ini yang menjadikan saya terkenang satu perkara ia-itu Malayan Union

dahulu pun di-datangkan ka-atas Tanah Melayu ini waktu Labour Party berkuasa di-England, saya tidak tahu apa connection antara dua ini.

Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang British mahu kita buat? Kita banyak perkara yang kita boleh buat, memang boleh sangat². Kalau Kerajaan kita mahu buat yang akan menyusahkan Britain. Siapa yang tidak tahu dalam dunia ini bahawa Malaysia-lah dollar earner yang paling besar sa-kali untok Britain kita ta' usah buat apa², segala reserve yang ada disimpan dalam sterling pindahan ka-lain tempat, ambilkan wang yang lebeh tegoh, mata wang yang lebeh tegoh, yang lebeh kukoh daripada mata wang sterling. Kalau bagini Malaysia buat, apa akan jadi kepada Britain, porak-peranda pound sterling yang begitu gagah di-dokong dan disokong oleh hasil pengeluaran daripada Malaysia ini dan daripada Malaya khas-nya.

